

## Unit 9

# PENGASAS KESULTANAN MELAYU MELAKA



### Sinopsis

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara. Unit ini membincangkan latar belakang dan rentetan peristiwa perjalanan pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Unit ini juga menjelaskan peristiwa pembukaan dan asal usul nama Melaka daripada pelbagai sumber.



### Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan latar belakang pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
2. Menerangkan rentetan peristiwa perjalanan pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
3. Menjelaskan peristiwa pembukaan Melaka.
4. Menghuraikan asal usul nama Melaka daripada pelbagai sumber.



**Nilai Teras Sivik**  
Kegembiraan



AKPS

### Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menyatakan peristiwa pembukaan Melaka.
2. Menjelaskan peristiwa Parameswara mengasaskan Melaka.
3. Mengenal pasti pelbagai sumber yang berkaitan dengan nama Melaka.




## Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Terdapat dua buah buku yang merekodkan tentang pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Buku tersebut ialah *Sulalatus Salatin* dan *Suma Oriental*. Berdasarkan dua sumber tersebut Parameswara atau Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

### Sumber

#### *Sulalatus Salatin*

- Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.



#### *Suma Oriental*

- Parameswara ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

(Sumber: *Suma Oriental* Karya Tome Pires: *Perjalanan dari Laut Merah ke Cina dan Buku Francisco Rodrigues*, 2014. Jogjakarta: Penerbit Ombak)



### Cerdas Minda

Siapakah pengasas Kesultanan Melayu Melaka menurut *Suma Oriental*?



### Tahukah Anda?

- *Sulalatus Salatin* juga dikenali sebagai *Sejarah Melayu* yang naskhah asalnya ditulis oleh Tun Sri Lanang.
- *Suma Oriental* merupakan sumber Portugis yang ditulis oleh Tome Pires.



## Latar Belakang Parameswara

Parameswara ialah putera raja kerajaan Melayu dari Palembang.

1



Kerajaan Majapahit mahu menyerang Palembang kerana Parameswara cuba membebaskan Palembang daripada jajahan Majapahit.

2



Parameswara bersama-sama dengan pengikut beliau terpaksa meninggalkan Palembang dan menuju ke Temasik kerana diserang oleh Majapahit.

3



Pengalaman Parameswara sebagai pemimpin yang bijaksana menyebabkan beliau mendapat sokongan pembesar dan pengikut yang setia.

4



Mengapakah sifat-sifat kepimpinan tokoh perlu dicontohi?



5.2.1  
K 5.2.5

### Nota Guru

Bimbing murid memahami sifat-sifat kepimpinan.

### Tahukah Anda?

Temasik ialah nama lama bagi Singapura.



## Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

Selepas meninggalkan Palembang, Parameswara bersama-sama dengan pengikutnya melalui pengembaraan yang penuh cabaran sehingga tiba di Temasik.



1  
Parameswara dan para pengikutnya menaiki kapal menuju ke Temasik dan bertemu dengan Temagi. Temagi merupakan wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik.



2  
Bolehkah beta berteduh di Temasik?  
Dipersilakan, Tuanku.  
Kedatangan Parameswara disambut baik oleh Temagi. Parameswara diizinkan oleh Temagi untuk menetap di Temasik.



3  
Parameswara mendapati Temasik sesuai untuk dijadikan kerajaan kerana kedudukannya yang strategik.



4  
Parameswara merancang serangan ke atas Temagi kerana Parameswara hendak menjadi pemerintah di Temasik. Hal ini menyebabkan Temagi dibunuh.

5

Cis, berani mereka membunuh Temagi! Beta sebagai pemerintah Siam harus menuntut bela. Hutang darah dibayar dengan darah.

Kerajaan Siam menyediakan kelengkapan peperangan untuk menyerang Parameswara di Temasik.

6

Setelah mengetahui serangan Siam, Parameswara berundur ke Muar bersama-sama dengan pengikutnya.

7

Banyaknya biawak di sini. Beta rasa tidak sesuai tempat ini dijadikan pusat pemerintahan.

Ampun Tuanku. Benar titah Tuanku, marilah kita mencari tempat yang lain.

Parameswara dan pengikutnya meninggalkan Muar dan meneruskan perjalanan ke Sening Ujong.

8

Parameswara melantik seorang wakil pemerintah di Sening Ujong.



### Aktiviti PAK-21 Main Peranan (Role-Play)

Secara berkumpulan, lakonkan semula dialog di atas secara kreatif.



5.2.2

#### Nota Guru


- Bimbing murid memahami pengembaraan Parameswara berdasarkan komik di atas.
- Bimbing murid melakukan aktiviti main peranan.



## Peristiwa Pembukaan Melaka

Kebijaksanaan Parameswara sebagai tokoh terbilang terbukti apabila beliau berjaya memilih tempat yang baik untuk membuka sebuah kerajaan baharu.

- 1 Parameswara dan pengikutnya belayar meninggalkan Sening Ujong dan sampai ke muara Sungai Bertam. Parameswara ternampak sebuah perkampungan nelayan lalu singgah di situ.



Parameswara dan pengikutnya di muara Sungai Bertam.



Perjalanan Parameswara ke Melaka.




### Cerdas Minda

Di manakah letaknya perkampungan nelayan yang disinggahi oleh Parameswara?

- 2 Parameswara dan pengikutnya keluar berburu. Parameswara menyaksikan anjing perburuannya ditendang oleh seekor pelanduk putih sehingga jatuh ke dalam sungai. Parameswara berpendapat tempat itu sungguh bertuah dan sesuai dijadikan kerajaan apabila melihat seekor haiwan yang kecil berjaya mengalahkan haiwan yang lebih besar.

Parameswara mengambil keputusan untuk membuka sebuah kerajaan baharu sempena dengan nama pokok Melaka tempat baginda bersandar.



Parameswara dan pengikutnya melihat anjingnya ditendang oleh pelanduk putih.



### Aktiviti PAK-21 Kafe

Bentuk suasana kafe atau kedai kopi di dalam kelas. Bincangkan kepentingan mengamalkan sikap taat setia kepada raja dan negara.



5.2.3  
K.5.2.7

#### Nota Guru

Bimbing murid memahami peristiwa pembukaan Melaka.



## Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber

Melaka dikenali dengan pelbagai nama yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Antara sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka termasuklah sumber tempatan, India, Arab dan Barat.




### *Sulalatus Salatin*

*Sulalatus Salatin* menceritakan bahawa nama Melaka berasal daripada pokok Melaka, tempat Parameswara bersandar ketika pelanduk putih menendang anjingnya.



Pokok Melaka

"Apa nama kayu tempat kita berdiri ini?" Maka sembah orang, "Kayu Melaka namanya tuanku, kayu ini". Maka titah baginda, "Jika demikian, Melakalah namanya negeri ini." (*Sulalatus Salatin* hlm. 71)



### Cerdas Minda

Namakan haiwan yang menendang anjing perburuan Parameswara dalam *Sulalatus Salatin*.

2

### Sumber Arab

Sumber Arab menyebut Melaka sebagai *Malakat* yang bermaksud perhimpunan segala dagang.

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 13)



(Sumber: Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka)

3

### Sumber India

Sumber India mengikut mitos Hindu menyatakan Melaka disebut *Amalaka*, iaitu pokok pertama yang tumbuh di alam semesta.

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 13)



(Sumber: Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka)

4

### Suma Oriental

Nama Melaka berasal daripada perkataan *Malaga* yang bermaksud tempat perlindungan.

(Sumber: A. Cortesao (peny.), *The Suma Oriental of Tome Pires*. Jilid 2. London: Hakluyt Society, hlm. 234)



### Cerdas Minda

Apakah nama Melaka mengikut sumber Arab?

Kepelbagaian sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka membuktikan Melaka sebagai pusat pertemuan pelbagai bangsa dari seluruh dunia.

Pembukaan Melaka telah menjadi asas kepada pemerintahan kerajaan-kerajaan selepasnya. Kita perlu bersyukur dan menghargai warisan negara serta bekerjasama menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara.



5.2.4

#### Nota Guru

Jelaskan sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka.




## Keistimewaan Melaka Semasa Pemerintahan Parameswara

Melaka mempunyai banyak kelebihan untuk dijadikan sebagai pusat pemerintahan kerajaan.

### Terlindung daripada Angin Monsun

- Perairan Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun yang membolehkan kapal-kapal belayar dengan selamat.





### Kedudukan yang Strategik

- Melaka berada pada kedudukan yang strategik di antara jalan laut timur dan barat. Kedudukan yang strategik ini menarik minat para pedagang untuk singgah berdagang.

### Kebijaksanaan Pemerintah

- Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan pentadbiran yang cekap dan terbuka. Keterbukaan ini juga menarik minat kerajaan asing untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Melaka.

Kebijaksanaan Parameswara membawa kepada penubuhan sebuah kerajaan baharu di Melaka.



Apakah sumbangan Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka?



## Membina Negara Sendiri

### Peraturan

- 1 Bina kumpulan yang terdiri daripada lima orang ahli.
- 2 Setiap kumpulan diberikan masa untuk melengkapkan tempat kosong pada kad manila.
- 3 Empat ahli kumpulan akan pergi melihat stesen lain, manakala seorang wakil akan tinggal membentangkan hasil kerja kepada kumpulan lain.



(Sumber: Noryatty binti Kiling)



**Bayangkan anda akan menubuhkan sebuah negara baharu.**

Lengkapkan tempat kosong dengan maklumat yang sesuai.

1. Nyatakan nama negara baharu kamu.

---

---

2. Lukis bendera negara kamu sendiri.



3. Nyatakan keistimewaan negara kamu.

- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.

4. Sebagai pemerintah, saya akan memastikan ...


- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.



## Jom Buat

### MODEL PELABUHAN

#### Alatan dan Bahan



Kotak kasut



Batang aiskrim



Gam



Doh



Penutup botol



Gunting



Kertas warna



1 Gamkan kertas warna hijau dan biru pada kotak kasut.



2 Bina jeti dengan menggunakan batang aiskrim dan penutup botol.



3 Lipat kertas warna menjadi pelbagai saiz sampan.



4 Gunting kertas warna hijau untuk dijadikan pokok.



5 Lekatkan pokok pada kotak kasut dengan menggunakan doh.



Model pelabuan yang telah siap.



## Imbas Kembali



### Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara yang berasal dari Palembang.



### Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

Pengembaraan bermula dari Palembang, Temasik, Muar dan Sening Ujong sebelum tiba di Melaka.



### Peristiwa Pembukaan Melaka

Baginda membuka Melaka selepas melihat peristiwa pelanduk putih menendang anjing perburuannya.



### Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber


Terdapat beberapa sumber yang menyebut asal usul nama Melaka seperti sumber tempatan, India, Arab dan Barat.

Unit ini memperkenalkan Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Unit seterusnya akan membincangkan peranan Bendahara Tun Perak, iaitu tokoh yang memajukan Kesultanan Melayu Melaka sehingga menjadi sebuah empayar yang kuat.



## Fikir dan Jawab

1. Lengkapkan peta alir tentang perjalanan Parameswara ke Melaka dengan jawapan yang betul.



2. Jawab soalan di bawah ini:

(a) Nyatakan tiga keistimewaan Melaka semasa pemerintahan Parameswara.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(b) Berikan tiga sifat kepemimpinan Parameswara.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_



## Cinta akan Negara



Istana Negara merupakan lambang keutuhan institusi raja berperlembagaan.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi asas penubuhan kerajaan yang diwarisi sehingga hari ini.

### Diri

Memahami dan menghayati warisan pemerintahan negara dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri kita.

### Masyarakat

Hormat-menghormati sesama ahli masyarakat ialah kunci perpaduan.

### Negara

Menghormati sistem pemerintahan diraja dapat mewujudkan keharmonian dalam negara.